

# PRASANGKA DAN DISKRIMINASI (Part 4)

Izwyn Binti Zulkapri, Khalifah Mastura Binti Hassan & Nurul Sa'adah Binti Sabdin

## Jenis-jenis Diskriminasi

Diskriminasi adalah perlakuan buruk yang ditujukan terhadap kumpulan manusia tertentu. Berdasarkan sasaran, diskriminasi boleh dibahagikan kepada beberapa jenis seperti dibawah.

### (a) Diskriminasi Umur

Individu diberi layanan yang tidak adil kerana beliau tergolong dalam lingkungan umur tertentu. Misalnya, di negara Malaysia remaja sentiasa dianggap orang yang menimbulkan masalah sehingga timbul istilah "masalah remaja".

### (b) Diskriminasi Jantina

Individu diberi layanan yang tidak adil kerana jantina mereka. Misalnya, seorang wanita menerima gaji yang lebih rendah berbanding lelaki sejawatnya, walaupun sumbangan mereka adalah sama.

### (c) Diskriminasi Kesihatan

Individu diberi layanan yang tidak adil kerana mereka mempunyai penyakit atau kecacatan tertentu. Misalnya seorang yang pernah menderita sakit jiwa ditolak untuk mengisi jawatan tertentu, walaupun ia telah sembuh dan mempunyai keupayaan yang diperlukan.

### (d) Diskriminasi Ras

Individu diberi layanan yang tidak adil berdasarkan ras yang diwakili mereka.

### (e) Diskriminasi Agama

Individu diberi layanan yang tidak adil berdasarkan agama yang dianuti.